فَجَابَتْ سَتِيَا وَسَهَاكَرَاجَانْ فَيرَاقْ دَارُالرِّضْوَانْ.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
PERAK DARUL RIDZUAN,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
ARAS 3, BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH.

*Ruj. Tuan* :

*Ruj. Kami* : PSUK.Pk.(PSM) NP 8/355/487-17 JLD. 4 ( 17 )

*Tarikh* : 08 Rabiulawal 1443H
22 Oktober 2021

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) TAHUN 2021 DI BAWAH PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, pelaksanaan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) merupakan salah satu syarat perkhidmatan yang **diwajibkan** ke atas setiap pegawai awam sebagai **kaedah pengukuran ke atas pencapaian sasaran kerja dan prestasi** bagi pegawai dan jabatan. Penyediaan LNPT bagi pegawai yang **mengisi perjawatan tetap dilaksanakan melalui Submodul LNPT** dalam Aplikasi Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) manakala bagi pegawai yang dilantik **bukan mengisi perjawatan tetap hendaklah menggunakan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002**.

3. Sehubungan itu, kerjasama YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan LNPT 2021 di jabatan masing-masing dilaksanakan mengikut **jadual pelaksanaan** di **LAMPIRAN A** dan **garis panduan** di **LAMPIRAN B**.

4. Kerjasama dan perhatian YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam hal ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "**

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menjalankan amanah,

**( NOR SHAM BINTI RAHMAN )**
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

s.k. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

**"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"**

*Tel.: 05-2095000*

*Faks :*

| | |
|---|---|
| Setiausaha Kerajaan Negeri | - 05-254 5323 |
| TSUK (Pengurusan) | - 05-255 2890 |
| TSUK (Pembangunan) | - 05-253 3973 |
| Pengurusan Sumber Manusia | - 05-241 3687 |

Discover Perak MALAYSIA

www.perak.gov.my

**LAMPIRAN A**

## JADUAL PELAKSANAAN LNPT DI PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2021

| DARIPADA | KEPADA | TARIKH |
|---|---|---|
| PEGAWAI YANG DINILAI (PYD) | PEGAWAI PENILAI PERTAMA (PPP) | 1.11 .2021 - 15.11.2021 |
| PEGAWAI PENILAI PERTAMA (PPP) | PEGAWAI PENILAI KEDUA (PPK) | 16.11.2021 - 30.11.2021 |
| PEGAWAI PENILAI KEDUA (PPK) | URUS SETIA PPSM JABATAN | 1.12.2021 - 15.12.2021 |
| MESYUARAT PPSM JABATAN | | SEBELUM 30.1.2022 |

**LAMPIRAN B**

## GARIS PANDUAN PELAKSANAAN LNPT DI PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

1. Pencapaian KPI **HRMIS Tahun 2021** bagi semua jabatan dikira berdasarkan **Status LNPT Yang Selesai Dinilai oleh PPK.**

2. Penyediaan LNPT bagi pegawai yang **mengisi perjawatan tetap dilaksanakan melalui Submodul LNPT** dalam Aplikasi Sistem HRMIS. Anggota lantikan baru yang bertaraf **tetap atau kontrak** dan dilantik **SELEPAS 1 JULAI 2021**, LNPT hendaklah disediakan apabila tempoh perkhidmatan anggota berkenaan telah **genap 6 bulan**. Bagi anggota yang bertukar ke jabatan baru **SELEPAS 1 JULAI 2021, LNPT dinilai oleh jabatan lama.**

3. Pegawai yang dilantik **bukan mengisi perjawatan tetap** hendaklah menggunakan **Borang LNPT berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002**. Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) Bil. 2 Tahun 2009 bertajuk **"Pemantapan Pengurusan Sistem Penilaian Prestasi Perkhidmatan Awam"** hendaklah dirujuk untuk panduan dan rujukan dalam menguruskan Borang LNPT.

4. PPP dan PPK hendaklah melaksanakan LNPT secara **telus dan objektif**. PPP dan PPK diminta mengambil perhatian terhadap **pemarkahan bagi komponen kegiatan luar dan sumbangan di luar tugas rasmi**. PPP atau PPK yang memberikan markah LNPT **melebihi 95 peratus** kepada PYD hendaklah memberi **justifikasi yang kukuh**. Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) boleh mempertimbangkan semula markah sekiranya terdapat keraguan terhadap penilaian dan justifikasi yang disertakan

5. Semua Ketua Jabatan hendaklah mematuhi jadual pelaksanaan LNPT yang telah ditetapkan dan **melaksanakan Mesyuarat PPSM peringkat jabatan SEBELUM 30 JANUARI 2022.**

6. **Tiada pergerakan gaji boleh dipertimbangkan** oleh PPSM Jabatan bagi mana-mana pegawai yang **gagal mengemukakan LNPT dan juga LNPT tidak dinilai oleh PPP dan PPK mengikut tarikh yang ditetapkan.**

7. Kegagalan pegawai menyediakan dan menilai LNPT boleh ditafsirkan sebagai **Ingkar Perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai Ingkar Perintah dan melanggar Peraturan 4(i), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 / 1995.**

**SENARAI EDARAN**

**Edaran Dalaman**

1. Timbalan Pengarah Kanan (Kerajaan Tempatan)
   Unit Perancang Ekonomi Negeri
2. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Pengurusan Maklumat
3. Setiausaha Sulit Kanan Kepada
   YAB Menteri Besar
4. Ketua Pegawai Eksekutif
   Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak
5. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan
6. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Khidmat Pengurusan
7. Ketua Audit Dalam
   Bahagian Audit Dalam
8. Pengarah
   Majlis Sukan Negeri Perak
9. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Perkhidmatan)
   Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
10. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
    Bahagian Korporat
11. Ketua Unit Integriti
    Unit Integriti
12. Pengarah
    Lembaga Muzium Darul Ridzuan

**Jabatan Negeri**

1. YB. Pegawai Kewangan Negeri
   Pejabat Kewangan Negeri
   Perak Darul Ridzuan
2. Pengarah
   Pejabat Tanah dan Galian Negeri
   Perak Darul Ridzuan
3. Pengarah
   Jabatan Agama Islam Negeri
   Perak Darul Ridzuan

4. Mufti Kerajaan Negeri
   Jabatan Mufti Negeri
   Perak Darul Ridzuan

5. Ketua Hakim Syarie
   Jabatan Kehakiman Syariah Negeri
   Perak Darul Ridzuan

6. Pengarah
   Jabatan Kerja Raya Negeri
   Perak Darul Ridzuan

7. Pengarah
   Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri
   Perak Darul Ridzuan

8. Pengarah
   Jabatan Perhutanan Negeri
   Perak Darul Ridzuan

9. Pengarah
   Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri
   Perak Darul Ridzuan

10. Pengarah
    Jabatan Pertanian Negeri
    Perak Darul Ridzuan

11. Pengarah
    Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
    Perak Darul Ridzuan

12. Pengarah
    Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
    Perak Darul Ridzuan

13. Pengarah
    Jabatan Mineral dan Geosains
    Perak Darul Ridzuan

14. Setiausaha
    Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri
    Perak Darul Ridzuan

15. Y.Bhg. Dato' Pengelola Bijaya Diraja
    Pejabat D.Y.M.M Sultan Perak
    Kuala Kangsar

16. Ketua Pendakwa Syarie
    Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Perak

**Pejabat Daerah dan Tanah**

17. Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah
    Hulu Perak

18. Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah
    Kerian

19. Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah
    Larut, Matang dan Selama

20. Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah
    Kuala Kangsar

21. Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah
    Kinta

22. Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah
    Perak Tengah

23. Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah
    Manjung

24. Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah
    Hilir Perak

25. Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah
    Batang Padang

26. Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah
    Kampar

27. Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah
    Muallim

28. Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah
    Bagan Datuk

29. Ketua Penolong Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah Pengkalan Hulu

30. Ketua Penolong Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah Lenggong

31. Ketua Penolong Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah Selama

32. Ketua Penolong Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput (U)

33. Ketua Penolong Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh

34. Ketua Penolong Pegawai Daerah
    Pejabat Daerah dan Tanah Kampung Gajah

**Pihak Berkuasa Tempatan**

35. Datuk Bandar Ipoh
    Majlis Bandaraya Ipoh

36. Yang Dipertua
    Majlis Perbandaran Taiping

37. Yang Dipertua
    Majlis Perbandaran Teluk Intan

38. Yang Dipertua
    Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

39. Yang Dipertua
    Majlis Perbandaran Manjung

40. Yang Dipertua
    Majlis Daerah Pengkalan Hulu

41. Yang Dipertua
    Majlis Daerah Gerik

42. Yang Dipertua
    Majlis Daerah Lenggong

43. Yang Dipertua
    Majlis Daerah Kerian

44. Yang Dipertua
    Majlis Daerah Batu Gajah

45. Yang Dipertua
    Majlis Daerah Kampar

46. Yang Dipertua
    Majlis Daerah Perak Tengah

47. Yang Dipertua
    Majlis Daerah Selama

48. Yang Dipertua
    Majlis Daerah Tapah

49. Yang Dipertua
    Majlis Daerah Tanjong Malim

**Badan Berkanun Negeri**

50. Ketua Eksekutif
    Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

51. Pengurus Besar
    Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak

52. Pengurus Besar
    Lembaga Air Perak

53. Ketua Pegawai Eksekutif
    Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

54. Pengarah
    Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak

55. Ketua Pegawai Eksekutif
    Perbadanan Taman Negeri Perak

56. Pengarah
    Sekretariat Pangkor Pulau Bebas Cukai